



Penciptaan






PADA MULANYA - SEBELUM MASA
DICIPTAKAN - ADANYA ALLAH.

DIA WUJUD DALAM TIGA
ORANG - SEPADAN - YANG KEKAL
BERSAMA, DALAM SEHATI.

ALLAH TIDAK BERSENDIRIAN -
DIA BERKOMUNIKASI DENGAN DIRINYA
DENGAN KASIH YANG HARMONI.

KEMUDIAN, DIALAH... YANG
MENCIPTA LANGIT DAN BUMI




KEMUDIAN ALLAH BERFIRMAN,
"HENDAKLAH ADA CAHAYA."
LALU ADANYA CAHAYA.

ALLAH MELIHAT CAHAYA ITU BAIK,
LALU DIA MEMISAHKAN CAHAYA ITU
DARIPADA KEGELAPAN.

ALLAH MEMANGGIL CAHAYA ITU "SIANG",
DAN KEGELAPAN ITU DIPANGGIL "MALAM".
MALAM MUNCUL DAN DISUSULI PAGI -
ITULAH HARI YANG PERTAMA.

DAN ALLAH BERFIRMAN "HENDAKLAH ADA
CAKERAWALA DI TENGAH-TENGAH SEGALA AIR
UNTUK MEMISAHKAN AIR DARIPADA AIR."

MAKA ALLAH MEMISAHKAN AIR YANG ADA
DI BAWAH CAKERAWALA DARIPADA AIR YANG
ADA DI ATASNYA. MAKA TERJADILAH
SEDEMIKIAN ITU. LALU ALLAH MEMANGGIL
CAKERAWALA ITU "LANGIT".



MALAM MUNCUL LAGI DAN DISUSULI
PAGI - ITULAH HARI YANG KEDUA.



DAN ALLAH BERFIRMAN, "MENGALIR DAN BERKUMPULLAH KESEMUA AIR YANG DI BAWAH LANGIT DI SATU TEMPAT, SEHINGGA KELIHATAN TANAH YANG KERING."

MAKA TERJADILAH SEDEMIKIAN ITU. ALLAH MEMANGGIL BAHAGIAN YANG KERING ITU "DARAT", DAN KUMPULAN AIR ITU DINAMAI-NYA "LAUT".

DAN ALLAH MELIHAT SEMUA ITU BAIK.

KEMUDIAN ALLAH BERFIRMAN, "HENDAKLAH TANAH MENUMBUHKAN PELBAGAI TUNAS MUDA, TUMBUH-TUMBUHAN YANG BERBIJI, SEGALA JENIS POKOK BUAH-BUAHAN YANG MENGHASILKAN BUAH YANG BERBIJI, SUPAYA JENISNYA MEMBIAK DAN TERUS BERTUMBUH DI BUMI." MAKA TERJADILAH SEDEMIKIAN ITU.



MAKA TANAH PUN MENGHASILKAN PELBAGAI TUNAS MUDA, SEGALA JENIS TUMBUH-TUMBUHAN YANG BERBIJI DAN SEGALA JENIS POKOK BUAH-BUAHAN YANG MENGHASILKAN BUAH YANG BERBIJI.

DAN ALLAH LIHAT BAHAWA SEMUA ITU BAIK.

MALAM MUNCUL LAGI DAN DISUSULI PAGI - ITULAH HARI YANG KETIGA.

KEJADIAN 1:9-13



PADA HARI KEEMPAT MINGGU PENCIPTAAN,
ALLAH MENCIPTAKAN MATAHARI, BULAN DAN
BINTANG-BINTANG – ALAM SEMESTA YANG LUAS.

KEMUDIAN ALLAH BERFIRMAN, "BIARLAH PENERANG-
PENERANG MENGISI CAKRAWALA UNTUK MEMISAHKAN SIANG
DARIPADA MALAM DAN BIARLAH INI MENJADI TANDA
YANG MENUNJUKKAN PELBAGAI MUSIM, HARI SERTA
TAHUN, DAN BIARLAH IA MENJADI PENERANG-PENERANG
DI CAKRAWALA DEMI MENERANGI BUMI."

MAKA TERJADILAH SEDEMIKIAN ITU. ALLAH MENCIPTA DUA
PENERANG YANG MENAKJUBKAN - PENERANG LEBIH BESAR UNTUK
MENGUASAI SIANG DAN YANG LEBIH KECIL UNTUK MENGUASAI
MALAM. ALLAH JUGA MENCIPTAKAN BINTANG-BINTANG.



ALLAH MENEMPATKAN KESEMUA ITU DI CAKRAWALA
UNTUK MENERANGI BUMI, DAN UNTUK MENGUASAI
SIANG DAN MALAM, DAN JUGA UNTUK MEMISAHKAN
CAHAYA DARIPADA KEGELAPAN.

DAN ALLAH MELIHAT BAHAWA SEMUA ITU BAIK.

MALAM MUNCUL LAGI DAN DISUSULI PAGI, -
ITULAH HARI YANG KEEMPAT.

KEJADIAN 1:14-19

PADA HARI KELIMA MINGGU PENCIPTAAN ,
ALLAH MEMENUHI LAUTAN DENGAN
PELBAGAI JENIS MAKHLUK YANG HIDUP.

DAN ALLAH BERFIRMAN, "HENDAKLAH AIR
DIPENUHI DENGAN MAKHLUK HIDUP, DAN
HENDAKLAH BURUNG-BURUNG
BERTERBANGAN DI RUANG CAKERAWALA."

JADI ALLAH MENCIPTAKAN PEHBAGAI
BINATANG LAUT YANG BESAR DAN SEGALA
JENIS HIDUPAN YANG BERGERAK,
YANG BERKERIAPAN DI DALAM AIR, DAN
SEGALA JENIS BURUNG YANG BERSAYAP.





DAN ALLAH MELIHAT
SEMUA ITU BAIK.

ALLAH MEMBERKATI KESEMUANYA SAMBIL
BERFIRMAN, "BERKEMBANG BIAKLAH DAN
PENUHILAH AIR DI DALAM LAUT, DAN
BIARLAH BURUNG-BURUNG BERTAMBAH
BANYAK DI BUMI."

MALAM MUNCUL LAGI DAN DISUSULI
PAGI, - ITULAH HARI YANG KELIMA.

PADA HARI KEENAM, ALLAH
MENCIPTA HAIWAN DARATAN.

KEMUDIAN ALLAH BERFIRMAN, "BIARLAH BUMI
MELAHIRKAN SEGALA JENIS MAKLUK YANG HIDUP:
TERNAKAN DAN BINATANG YANG MELATA SERTA
SEGALA JENIS BINATANG LIAR."






MAKA TERJADILAH
SEDEMUKIAN ITU.

JADI, ALLAH MENCIPTA SEGALA JENIS BINATANG LIAR
DAN SEGALA JENIS TERNAKAN DAN SEGALA JENIS
BINATANG MELATA DI MUKA BUMI.

DAN ALLAH MELIHAT BAHAWA
SEMUA ITU BAIK.

KEJADIAN 1:24-25

PADA HARI KEENAM, ALLAH
MENCIPTA DAN MEMBENTUK SUATU
MAKHLUK BARU DARIPADA DEBU TANAH.



ALLAH MEMBENTUK MANUSIA DARIPADA DEBU TANAH DAN
MENGHEMBUSKAN NAFAS HIDUP KE DALAMNYA DAN MANUSIA
ITU MENJADI SEORANG YANG HIDUP. ALLAH MENCIPTA MANUSIA
MENURUT RUPA-NYA - SUATU GAMBARAN YANG LEBIH TINGGI
DARIPADA HAIWAN-HAIWAN.

ALLAH MEMANGGIL MAKHLUK BARU INI
LELAKI DAN MEMBERINYA NAMA, ADAM.

ALLAH MELIHAT
SEGALA CIPTAANNYA,
DAN BERKATA
SEMUA
SUNGGUH BAIK."



PADA HARI YANG KETUJUH, ALLAH MENYELESAIKAN
KERJA-NYA DAN BEREHAT. ALLAH MEMBERKATI HARI YANG
KETUJUH DAN MENYUKIKAN HARI ITU, KERANA PADA HARI
ITU ALLAH BEREHAT DARIPADA SEGALA KERJA CIPTAANNYA.



TUHAN ALLAH TELAH MENCIPTA
SEBUAH TAMAN DI SEBELAH
TIMUR EDEN.

DIA MENEMPATKAN MANUSIA YANG
DIA TELAH CIPTAKAN DI SITU.

SETIAP POKOK DI TAMAN ITU MENARIK UNTUK
DIPANDANG DAN BAIK UNTUK DIMAKAN
BUAHNYA.

AIR KELUAR DARI MUKA BUMI
UNTUK MENGAIRI TAMAN ITU DAN
SEBUAH SUNGAI MENGALIR KELUAR
DARIPADA TAMAN ITU.

WALAUPUN TUHAN TELAH MENCIPTA
EDEN, DIA MEMBERI ADAM KERJA-
UNTUK MEMELIHARA TAMAN ITU.

A vibrant illustration of a lush garden. On the left, a large, ancient tree with thick, gnarled brown bark and dense green foliage dominates the foreground. To its right, a smaller, more rounded tree with bright green leaves is heavily laden with small, round orange fruits. The ground is a mix of green grass and patches of yellowish-brown earth. In the foreground, there are various plants, including large green leaves and clusters of small purple and pink flowers. The background shows more trees and a bright sky with a few birds flying. Two white text boxes are overlaid on the upper left portion of the image.

DI TENGAH-TENGAH TAMAN INI, ALLAH
MENANAM POKOK HIDUP. DIA JUGA MENANAM
SATU LAGI POKOK - POKOK PENGETAHUAN
YANG BAIK DAN JAHAT.

ALLAH MEMBERIKAN PERINTAH KEPADA
ADAM, "ENGKAU BEBAS MAKAN DARIPADA
SEMUA POKOK DI DALAM TAMAN INI,
TETAPI...."



JANGAN ENKAU MAKAN
DARIPADA POKOK PENGETAHUAN
YANG BAIK DAN YANG JAHAT
KERANA PADA HARI ENKAU
MEMAKANNYA, ENKAU
PASTI AKAN MATI.

KEJADIAN 2:9, 16-17



DARIPADA TANAH, ALLAH MENCIPTA
SEGALA BINATANG DI DARAT DAN
SEGALA BURUNG DI UDARA.

DIA MEMBAWA SEMUA CIPTAANNYA
KEPADA ADAM UNTUK MELIHAT
BAGAIMANA DIA AKAN
MENAMAKAN SETIAPNYA.

A detailed illustration of Adam in the Garden of Eden. He is a muscular man with long dark hair, standing in a lush, vibrant jungle. He is reaching up towards a large, thick tree trunk. The scene is filled with various tropical plants, including large green leaves and clusters of purple grapes hanging from a vine. The lighting is bright, suggesting a sunny day.

SETIAP HARI ADAM MENDAPAT
PELUANG UNTUK BERCAKAP
DENGAN TUHAN DAN MENIKMATI
PERSAHABATAN RAPAT DENGAN
PENCiptA-NYA.

A detailed illustration of Adam in the Garden of Eden, surrounded by various animals. Adam is standing in the background, looking out over a lush landscape. In the foreground, there are several animals: a giraffe on the left, a zebra and its foal on the right, and a group of antelope-like animals near a body of water. The scene is set in a lush, green environment with large trees and a clear blue sky.

ALLAH TAHU BAHAWA IA
TIDAK BAIK UNTUK ADAM
BERSENDIRIAN.

TETAPI DI KALANGAN SEMUA HAIWAN,
ALLAH MELIHAT BAHAWA TIADA
JODOH YANG SESUAI UNTUK ADAM.

ALLAH KEMUDIAN MENUNJUKKAN
PELAN BESAR SETERUSNYA DALAM
RANCANGAN PENCiptAANNYA.

A detailed illustration of Adam sleeping in the Garden of Eden. He is lying on his back, surrounded by dense, lush green foliage. His eyes are closed, and he appears to be in a deep sleep. The scene is filled with various tropical plants, including large green leaves and clusters of purple grapes hanging from a vine. The lighting is soft, suggesting a peaceful, quiet moment.

TUHAN MEMBUAT ADAM TIDUR
DENGAN LENA - DAN KETIKA DIA
TIDUR, TUHAN MENGAMBIL
SEBATANG TULANG RUSUKNYA.

DARIPADA TULANG RUSUK
ITU, ALLAH MENCiptAKAN
WANITA YANG PERTAMA...


DAN TUHAN MEMBAWANYA
KEPADA ADAM.

WANITA ITU CUKUP SEMPURNA
BAGI ADAM DALAM SETIAP CARA.




ADAM MEMANGGIL
ISTERI BARUNYA YANG
CANTIK, HAWA.

TUHAN MEMBAWA HAWA KE ADAM -
JADI ALLAH SENDIRI YANG MELANGSUNGKAN
PERKAHWINAN YANG PERTAMA.



ADAM TERHARU DENGAN KECANTIKAN ISTERI
BARUNYA DAN DENGAN HADIAH ISTIMEWA INI
YANG TUHAN TELAH BERIKAN KEPADANYA.



SYAITAN, SALAH SATU MALAIKAT YANG JATUH KINI MERANCANG UNTUK MEMUSNAHKAN RANCANGAN HEBAT TUHAN.

DIA MEMERHATI DAN MENUNGGU SAATNYA UNTUK MENGAKHIRKAN KERJA TUHAN YANG INDAH.

JADI, DIA MEMASUKI SEEKOR ULAR DI TAMAN EDEN DAN BERCAKAP KEPADA HAWA MELALUINYA.

PERKARA PERTAMA YANG DIA CUBA LAKUKAN ADALAH MEMPERSOALKAN APA TUHAN TELAH BERKATA.

ADAKAH ALLAH BENAR-BENAR BERFIRMAN, 'JANGAN MAKAN BUAH DARIPADA MANA-MANA POKOK DI DALAM TAMAN INI'?

HAWA SEDAR DENGAN SEPENUHNYA APA YANG TUHAN TELAH MEMBERITAHU MEREKA.

KAMI BOLEH MAKAN BUAH DARIPADA POKOK-POKOK DI DALAM TAMAN INI, TETAPI TUHAN BERKATA "JANGANLAH KAMU MAKAN BUAH DARIPADA POKOK YANG BERADA DI TENGAH-TENGAH TAMAN INI, DAN KAMU JUGA TIDAK BOLEH MENYENTUHNYA ATAU KAMU AKAN MATI.

KEMUDIAN SYAITAN CUBA MENIPU DENGAN
TUJUAN UNTUK MENDAPATKAN HAWA
MENYOAL Kebaikan dan Watak Tuhan.





APA YANG TELAH AKU LAKUKAN?!
TIDAK!!

ADAM DAN HAWA BERSOSA DENGAN MELANGGAR PERINTAH TUHAN. PADA ITU, MEREKA BERSASA MALU KERANA MEREKA BARU SEDAR MEREKA TELANJANG.



SAYA TIDAK PERNAH BERSASA BEGINI!!

SAYA BERSASA KOTOR - DAN MALU.

ADAM DAN HAWA MENJAHIT DEDAUN POKOK ARA UNTUK DIGUNAKAN UNTUK MENUTUPI BADAN TELANJANG MEREKA.



APABILA MEREKA MENDENGAR SUARA TUHAN KETIKA DIA BERJALAN DI TAMAN PADA HARI DINGIN ITU, MEREKA BERLARI DAN MENYEMBUNYIKAN DIRI.



DI MANA
ENKAU?

AKU MENDENGAR
MU DI TAMAN LALU
AKU TAKUT KERANA
AKU TELANJANG. JADI
AKU PUN
BERSEMBUNYI.

SIAPA YANG
MEMBERITAHUMU
BAHAWA KAMU
BERTELANJANG?

ADAKAH KAMU MAKAN
BUAH DARIPADA POHON
YANG TELAH SAYA
MELARANGKAN KAMU
MAKAN DARI?

WANITA YANG KAU
TEMPATKAN BERSAMAKU
ITULAH YANG MEMBERIKAN
BUAH DARIPADA POKOK ITU
KEPADAKU - JADI AKU PUN
MAKAN BUAHNYA.



APA YANG
TELAH KAMU
LAKUKAN?



ULAR ITU MENIPU KU,
DIA BERKATA SAYA TIDAK
AKAN MATI - DAN AKAN MENJADI
SEPERTI ENKAU, ALLAH.

DIA MENIPU
AKU....

ATAS SEBAB PERBUATAN
ENKAU, TERKUTUKLAH ENKAU
MELEBIHI SEGALA HAIWAN-HAIWAN
- ENKAU AKAN MENJALAR DENGAN
PERUTMU DAN ENKAU AKAN MAKAN
DEBU TANAH SEUMUR HIDUPMU.

... DAN ANTARA
KETURUNANMU
DENGAN
KETURUNANNYA.

KETURUNANNYA
AKAN MEREMUKKAN
KEPALAMU, DAN KAMU
AKAN MEREMUKKAN
TUMITNYA.

TUHAN BOLEH MEMUSNAHKAN
SYAITAN DAN SEMUA MALAIKATNYA,
TETAPI DIA MEMBENARKAN MEREKA
HIDUP SEBAGAI UJIAN UNTUK
MANUSIA - UNTUK MELIHAT SIAPA
YANG AKAN MENGIKUTI TUHAN -
DAN SIAPA AKAN MENGIKUTI IBLIS
DALAM PEMBERONTAKANNYA.

DI SINI, TUHAN MENJANJIKAN
PADA MASA DEPAN, SUATU
PERTEMPURAN AKAN BERLAKU
DI MANA KETURUNAN WANITA
INI AKAN MENGAHLAKAN
SYAITAN DAN MEMBEBAHKAN
UMAT MANUSIA DARIPADA
SUMPAHAN DOSA DAN
KEMATIAN INI.



AKU AKAN
MENGADAKAN
PERMUSUHAN ANTARA
ENKAU DENGAN
WANITA INI....





SUMPAHAN DOSA KINI AKTIF
DAN HIDUP DI KALANGAN
UMAT MANUSIA.

AKU AKAN MELIPATGANDAKAN
KESAKITAN DAN KESUSAHANMU
APABILA ENKAU MELAHIRKAN
ANAK.

KAMU TETAP AKAN
MENGINGINI SUAMIMU,
DAN DIA AKAN
MEMERINTAH KAMU.

*ADAM, BUKAN SEKADAR SEORANG LELAKI MALAH DIA TELAH DIURAPI SEBAGAI
PEMERINTAH DUNIA INI. WANITA ITU DIKEHENDAKI UNTUK MENCARI, "KEINGINAN"
ADAM BAHARU INI YANG AKAN MENTARUNGAN HIDUPNYA UNTUK MEMUSNAHKAN
ULAR ITU DAN YANG AKAN MEMERINTAH DENGAN KESOLEHAN.



KERANA ENKAU MENURUT
KATA-KATA ISTERIMU DAN MEMAKAN
BUAH DARIPADA POHON YANG TELAH
KUPERINTAHKAN KEPADAMU, 'JANGAN
ENKAU MAKAN BUAHNYA,' MAKA
TERKUTUKLAH TANAH INI
KERANA KAU....

SEUMUR HIDUPMU,
ENKAU AKAN BERSUSAH PAYAH
MENERJAKAN TANAH DAN
MEMAKAN HASILNYA.

TANAH AKAN
MENUMBUHKAN DURI
DAN ONAK UNTUKMU...

SEMUA HASIL MAKANAN
DAN REZEKI KAMU AKAN KAMU
HASILKAN DENGAN KERJA KERAS,
SEHINGGA KEMBALINYA ENKAU
MENJADI TANAH, KERANA ENKAU
DIAMBIL DARI TANAH.

OLEH SEBAB
ASALMU DEBU,MAKA
ENKAU AKAN
KEMBALI MENJADI
DEBU.



PENUMPAHAN DARAH YANG PERTAMA DALAM SEJARAH
ADALAH APABILA TUHAN MEMBUNUH DUA EKOR HAIWAN
UNTUK BUATKAN PAKAIAN DARIPADA KULIT HAIWAN ITU
UNTUK ADAM DAN ISTERINYA YANG BERDOSA.

INI ADALAH SUATU ILLUSTRASI GRAFIK BAHAWA
HANYA TUHAN BOLEH MEMBERI PENGAMPUNAN DOSA YANG SESUAI
DAN TUMPAHAN DARAH ADALAH PENTING DALAM PROSES INI.

DI SINI, ALKITAB MEMBERI SATU LAGI GAMBARAN TENTANG
PERANAN TUHAN -TUHAN YANG WUJUD DALAM TIGA
ORANG, BINCANGKAN APA YANG AKAN BERLAKU SETERUSNYA.

MANUSIA ITU SUDAH JADI
SEPERTI KAMI, DIA SEDAR APA
YANG BAIK DAN APA YANG JAHAT.

DIA HARUS DIHINDARI DARIPADA
MENGAMBIL DAN MEMAKAN DAN HIDUP
UNTUK SELAMA-LAMANYA DARIPADA BUAH
POKOK HAYAT ITU DENGAN TANGANNYA.

LALU TUHAN ALLAH MENGUSIR
MEREKA KELUAR DARI
TAMAN EDEN.

DIA TIDAK MAHU MEREKA HIDUP
SELAMA-LAMANYA DI DALAM
KEADAAN DOSA MEREKA.

SELEPAS MEREKA DIUSIR DARI TAMAN ITU,
DIA MENEMPATKAN SEORANG MALAIKAT DENGAN
SEBILAH PEDANG YANG BERNYALA UNTUK MENGAWAL
JALAN MENUJU KEPADA POKOK HAYAT ITU.





KEINGKARAN TERHADAP TUHAN TELAH
MEMBAWA BANYAK AKIBAT PERTAMA
YANG MENYAKITKAN....


KEJADIAN 3:23-24

DI RUMAH BARU MEREKA JAUH DARIPADA TAMAN EDEN, ADAM DAN HAWA MELAHIRKAN ANAK PERTAMA MEREKA - KAIN.



KEMUDIAN, MEREKA MELAHIRKAN ANAK LELAKI KEDUA - HABEL.

MEREKA JUGA MELAHIRKAN ANAK-ANAK LELAKI DAN PEREMPUANYANG LAIN. ANAK-ANAK INI MEMBESAR DAN MEMILIKI KELUARGA MEREKA TERSENDIRI.



SEBAGAI Ciptaan pertama Allah, Adam dan Hawa mempunyai hasil genetik yang sempurna dan oleh kerana itu, generasi pertama mempunyai jangka masa hidup yang panjang - beratus-ratus tahun.


Pada mulanya, ahli keluarga akan saling berkahwin dengan saudara-mara rapat mereka. Gen mutasi yang menyebabkan kecacatan belum lagi wujud dalam kolam genetik pada masa ini.

(Kemudian, melalui Musa, Allah melarang manusia saling berkahwin dengan saudara mara rapat mereka)



Juga, semasa keadaan sebelum-banjir, sebuah kanopi air kemungkinan meliputi bumi dan menolong menapis sinaran ultra-violet. Ini memberi sebuah persekitaran yang lebih sihat.

Oleh kerana manusia memiliki kolam gen yang bersih dan jangka hayat hidup yang panjang, bilangan manusia di bumi mulai bertambah dengan cepat.



APABILA KAIN DAN HABEL
MEMBESAR, CAIN LEBIH SUKA
BERTANI.



MANAKALA ANAK
BONGSU, HABEL,
SUKA MENGGEMBALA
HAIWAN TERNAKAN.



TUHAN TELAH MEMBERITAHU ADAM, HAWA DAN ANAK-ANAK
MEREKA BAGAIMANA UNTUK MEMBERI PENGORBANAN SEBAGAI
PERINGATAN TENTANG BETAPA PENTINGNYA AKIBAT-AKIBAT DOSA.

WALAUPUN MENJADI SEORANG GEMBALA DAN SEORANG PETANI DUA-DUA
PEKERJAAN YANG MULIA- KAIN DAN HABEL MEMBAWA PENGORBANAN MEREKA
KEPADA TUHAN DALAM ADAB YANG BERBEZA.




HABEL MEMPERSEBAHKAN
BEBERAPA EKOR ANAK SULUNG
HAIWAN TERNAKANNYA, IA DIBERI
DENGAN HATI YANG IKHLAS
KEPADA TUHAN...

DAN IA DIBERI DENGAN
CARA YANG TUHAN
MENUNJUKKAN MEREKA.



KAIN MEMBAWA SEBAHAGIAN
DARIPADA HASIL PERTANIANNYA
SEBAGAI PERSEBAHKANNYA
KEPADA TUHAN.

TUHAN BERKENAN KEPADA HABEL DAN PERSEBAHKANNYA -
TETAPI DIA TIDAK BERKENAN KEPADA KAIN
DAN PERSEBAHKANNYA.



NAMUN, TIADA APA YANG AKAN TERLEPAS DARI PANDANGAN TUHAN- DIA TAHU DAN MELIHAT SEMUA YANG KITA LAKUKAN.

TUHAN DATANG KEPADA KAIN DAN BERTANYA.....

DI MANA HABEL, ADIKMU ITU?

AKU TIDAK TAHU - ADAKAH AKU INI PENJAGA ADIKKU?

APA YANG TELAH KAMU LAKUKAN?

DENGAR! DARI TANAH BUMI, DARAH ADIKMU BERSERU KEPADA-KU!

SEKARANG, TERKUTUKLAH KAMU, TERBUANG JAUH DARI TANAH YANG TELAH MEMBUKA MULUTNYA UNTUK MENERIMA DARAH ADIKMU YANG TANGANMU TELAH TUMPAHKAN.

APABILA ENKAU MENERJAKAN TANAH, TANAH ITU TIDAK AKAN LAGI MEMBERIKAN HASIL SEPENUHNYA KEPADAMU.

KAIN YANG SUKA BERTANI, SEKARANG AKAN MENJADI SEORANG PENGEMBARA DAN SEORANG PEMUNGUT.

HUKUMANKU TERLALU BERAT DAN TIDAK BOLEH DITANGGUNG OLEHKU. SESUNGGUHNYA, PADA HARI INI ENKAU MENGUSIR AKU DARI TANAH INI MAKA AKU PERLU BERSEMBUNYI DARIPADA HADIRAT-MU...

... AKU AKAN MENJADI SEORANG PENGEMBARA YANG GELISAH, DAN SESIAPA YANG BERTEMU DENGANKU AKAN MEMBUNUHKU.

TIDAK, SESIAPA YANG MEMBUNUH ENKAU AKAN MENERIMA BALAS DENDAM TUJUH KALI GANDA.

MAKA PERGILAH KAIN DARI HADIRAT TUHAN LALU TINGGAL DI TANAH NOD, DI SEBELAH TIMUR EDEN.



ISTERI KAIN MENGANDUNG DAN MELAHIRKAN SEORANG ANAK LELAKI BERNAMA ENOS.

AAAAHHH!



KAIN PADA MASA ITU SEDANG MEMBINA SEBUAH KOTA DAN DIA MENAMAI KOTA ITU ENOS, MENGIKUTI NAMA ANAKNYA.



ANAK-ANAKNYA MULA MAHIR DALAM BIDANG-BIDANG BERBEZA...

ADA YANG TINGGAL DI DALAM KHEMAH DAN MENJAGA TERNAKAN.



ADA YANG BUAT DAN MAIN ALATAN MUZIK.



METALURGI MENJADI SEBUAH BIDANG BAGI KETURUNAN ENOS, MEREKA MEMPELAJARI CARA MEMBUAT ALATAN DARI BESI DAN GANGSA.

TUHAN MENGURNIAKAN ADAM DAN HAWA SEORANG ANAK LELAKI LAGI- SET- UNTUK MENGGANTIKAN ANAK LELAKI MEREKA YANG TELAH DIBUNUH.



MELALUI TALIAN KELUARGA SET, TUHAN MENJAJIKAN SEORANG PENYELAMAT – MESIAS- AKAN DATANG PADA SUATU HARI NANTI.



PADA GENERASI-GENERASI PERTAMA INI, BUDAYA DAN MASYARAKAT MULA BERKEMBANG.

TETAPI APABILA SEMAKIN RAMAI ORANG BERTAMBAH... DOSA PUN BERTAMBAH.



SESETENGAH ORANG MULA MENYERU KEPADA TUHAN UNTUK BELAS KASIHAN – DENGAN HARAPAN DIA AKAN MEMULIHAN HUBUNGAN MEREKA.

TETAPI BANYAK UMAT MANUSIA MENJADI SEMAKIN GANAS –
DAN ORANG MULA MENJADI TIDAK BERMORAL.

LOGAM-BESI YANG DIGUNAKAN UNTUK MEMBUAT PERLATAN JUGA DIBENTUK
UNTUK MEMBUAT SENJATA UNTUK MENCEDERA DAN MEMBUNUH.

SETIAP PEMIKIRAN DILIPUTI DOSA DAN TIADA
SESIAPA YANG HIDUP DENGAN SOLEH.

MANUSIA MENJADI HAMBA
KEPADA ORANG.

ADAM MELAKUKAN SATU
DOSA- TETAPI SEKARANG
KETURUNANNYA
MELAKUKAN
BANYAK DOSA.

TUHAN BERSEDIH -
HATINYA PENUH
DENGAN DUKA.

ALLAH- YANG SUCI DAN CUKUP
SEMPURNA- BERSEDIH DENGAN
KEJAHATAN YANG KINI
ADA DI BUMI.

DIA MERANCANG UNTUK
MENGHAPUSKAN SEMUA
YANG DIA TELAH Ciptakan
- KEDUA-DUA MANUSIA
DAN BINATANG DARI
MUKA BUMI.

... TETAPI TIADA
SEORANG PUN YANG
BERKENAN DI MATA
TUHAN.



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."

